

Privacy Notice for Service Provider

Effective Date: 28 April 2025

Ref: SSC/CLE/PN/Service Provider/FY25/v2

Purpose and scope

SMBC SSC Sdn. Bhd. ("**SMBC SSC**") is committed to comply with the data protection principles and requirements of the Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**"). This Privacy Notice ("**Notice**") outlines how SMBC SSC intends to collect, use, disclose, and protect your personal data and applies to all online and offline interactions with SMBC SSC.

Applicability

This Notice applies to existing and prospective service providers of SMBC SSC. This Notice does not form part of any contract of employment or contract to provide services.

Personal data collected

From time to time, and in relation to the provision of services provided or to be provided by you, it is necessary for SMBC SSC, as data controller, to collect, obtain and process personal details and information (as defined in the PDPA and referred to as the "**personal data**" in this Notice) of your authorised persons such as directors, business partners, key personnel or any other persons authorised by you ("**Authorised Persons**"). The personal data will be held or processed by us, including our affiliates and professional advisers.

Where you provide personal data of your Authorised Persons, you confirm that such persons have consented to the collection and processing of their personal data in the manner and for the purposes set out in this Notice.

Purpose of data processing

The personal data collected and further processed depends on the nature of your relationship with SMBC SSC. The personal data may be used for the following purposes:

- a. To establish a relationship between you and SMBC SSC;
- b. For evaluation and due diligence purposes;
- c. To evaluate and monitor provision of services;
- d. In meeting legal and regulatory requirements;
- e. For enforcement of our rights;
- f. For such other purposes as permitted by applicable law or with your consent; and
- g. All other incidental and associated purposes relating to any of the above.

Right to refuse

In accordance with and subject to the PDPA, you may refuse to consent to the personal data being processed. SMBC SSC respects and recognizes your right. You are requested to communicate such refusal to SMBC SSC in writing.

Without limitation to any provision of the PDPA, however, SMBC SSC (including our affiliates and professional advisers) may require to process the personal data for or in connection with the purposes set out in this Notice. Failure to obtain such personal data may result in us not being able to establish a relationship with you or to continue to receive such services from you.

Data sharing and security

The personal data will be kept confidential but it may be provided to the following parties for purposes set out in this Notice:

- a. Any of our affiliates or professional advisers who are under a duty of confidentiality to SMBC SSC and who provide services or facilities to SMBC SSC, whether in Malaysia or outside Malaysia, in connection with SMBC SSC business or operations (including and not limited to provision of our servers and storage provider), whether in Malaysia or otherwise, for the purpose of processing transactions and storing advices, transaction records and other documents, data or records on which you or your Authorised Persons' name or other particulars appear;
- b. Any other person under a duty of confidentiality to SMBC SSC in connection with any of the purposes set out in this Notice;
- c. Any other parties authorised by you;
- d. Our holding company, representative offices, subsidiaries, or related corporations in connection with any of the purposes set out in this Notice;
- e. Any authorities that are required or authorised by the law including to meet obligations to regulatory authorities or any Order of the Court;
- f. Any person to whom SMBC SSC is required, directed, or compelled to make a disclosure pursuant to sub-section (d) of this section;
- g. Information disclosed pursuant to the above may be subject to further disclosure by the recipient of such information to other parties in accordance with the laws or the country in which the recipient is located or the laws of such country(ies) to which such recipient is subject.

“**Affiliates**” or “**our affiliates**”, means any legal corporation under the Sumitomo Mitsui Financial Group, whether controlled directly or indirectly.

SMBC SSC has implemented reasonable technical, physical, contractual, and organisational safeguards to secure the personal data.

Consent to disclosure

Other than disclosures which we (including our affiliates and professional advisers) are liable to make pursuant to any law, regulation or directive from any governmental or regulatory body to which we are subject to, you may refuse the disclosure to any parties set out in this Notice. You are requested to communicate such refusal to SMBC SSC in writing at the time of providing a particular service to us.

Without limitation to any provision of the PDPA, however, if you or your Authorised Persons refuse the disclosure of personal data to any parties set out in this Notice in connection with services provided to us, this may result in us not being able to establish a relationship with you or to continue to receive such services from you.

Retention and disposal of personal data

SMBC SSC will only retain the personal data as long as necessary to fulfill the purposes for which it was collected. The personal data will be retained and securely destroyed in accordance with our data retention policy or as per applicable laws and regulations.

Individual rights

You have the following rights regarding the personal data:

- a. **Right to access the personal data.** This enables you to receive a copy of the personal information we hold about your Authorised Persons and to check we are lawfully processing it. You will not have to pay a fee to access your personal information. However, we may charge a reasonable fee if your request for access is clearly unfounded or excessive. Alternatively, we may refuse to comply with the request in such circumstances.
- b. **Right to correct any inaccuracies.** This enables you to have any inaccurate information we hold about your Authorised Persons corrected.
- c. **Right to request data deletion (subject to legal constraints).** You can ask us to delete or remove the personal data. We will evaluate your request and where possible, delete the personal data, unless SMBC SSC is required to retain (for example, compliance with laws and regulations). We will notify you of the outcome and reasons, if the personal data cannot be deleted.
- d. **Right to restrict processing.** You can ask us to limit processing personal information about your Authorised Persons in certain circumstances. We will review your request and if applicable, will temporarily suspend the processing activities, except for storage, until your concerns are resolved. We shall inform you prior to lifting any restrictions.
- e. **Right to object to certain processing activities.** You can object to specific processing activities carried out by us. We will evaluate your objection and, if justified, cease the processing of the personal data for those activities, unless there are compelling legitimate grounds to override your interests.
- f. To transfer your personal information to another party.

SMBC SSC may need to request specific information from you to help us confirm your identity and ensure your right to access the information (or to exercise any of your other rights). You will generally receive a response from us within twenty-one (21) days from the date of your request.

Cookies and tracking technologies

SMBC SSC uses cookies and similar technologies on its IT systems to enhance user experience and monitor system performance.

International data transfers

Where SMBC SSC considers it necessary or appropriate for the purposes of data storage or processing, the personal data may be stored or transferred to location and systems outside Malaysia under conditions of confidentiality and similar levels of security safeguards and information security.

Contacting SMBC SSC regarding the personal data

If you wish to exercise any of your rights under this Notice, please contact SMBC SSC in writing.

Attn : Data Protection Officer
SMBC SSC Sdn. Bhd.
Level 21, Integra Tower, The Intermark,
348, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel No.: 03 – 2176 1600

Changes to Privacy Notice

This Notice is not exhaustive and SMBC SSC reserves the right, from time to time and at any time, to amend and/or vary this Notice. Significant changes will be communicated to you or to your Authorised Persons via email or through our website. The revised notice will be effective from the date specified in the communication.

--the rest of this page has been intentionally left blank--

Notis Privasi kepada Pembekal Perkhidmatan

Tujuan dan skop

SMBC SSC Sdn. Bhd. ("**SMBC SSC**") komited untuk mematuhi prinsip-prinsip dan keperluan perlindungan data yang diperuntukan oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**APDP**"). Notis Privasi ("**Notis**") ini memaklumkan bagaimana SMBC SSC mengumpul, mengguna, mendedah, serta melindungi data peribadi anda dan Notis ini terpakai kepada semua interaksi dalam talian dan luar talian dengan SMBC SSC.

Pemakaian

Notis ini terpakai kepada pembekal perkhidmatan kepada SMBC SSC yang sedia ada dan yang prospektif. Notis ini tidak membentuk apa-apa bahagian kontrak pekerjaan atau kontrak untuk perkhidmatan.

Data peribadi yang dikumpulkan

Dari masa ke semasa dan berkaitan dengan perkhidmatan yang anda berikan atau akan berikan, SMBC SSC sebagai pengawal data perlu mengumpul, mendapat dan memproses maklumat dan butiran peribadi (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah APDP dan dirujuk sebagai "**data peribadi**" di dalam Notis ini) Orang yang Diberi Kuasa oleh anda seperti pengarah, rakan kongsi perniagaan, kakitangan penting atau sesiapa sahaja yang lain yang diberi kuasa oleh anda ("**Orang yang Diberi Kuasa**"). Data peribadi tersebut akan disimpan atau diproses oleh pihak kami, termasuk syarikat bersekutu dan penasihat profesional kami.

Apabila anda memberikan data peribadi Orang yang Diberi Kuasa oleh anda, anda mengesahkan bahawa Orang yang Diberi Kuasa tersebut telah bersetuju dengan pengumpulan dan pemprosesan data peribadi mereka mengikut cara dan tujuan yang dinyatakan di dalam Notis ini.

Tujuan pemprosesan data

Data peribadi yang dikumpul dan diproses bergantung kepada jenis urusan anda dengan SMBC SSC. Data peribadi tersebut mungkin digunakan bagi tujuan berikut:-

- a. Untuk mewujudkan urusan antara anda dan SMBC SSC;
- b. Bagi tujuan penilaian dan usaha wajar;
- c. Untuk menilai dan memantau penyediaan perkhidmatan;
- d. Untuk memenuhi keperluan undang-undang dan kawal selia;
- e. Bagi tujuan penguatkuasaan hak-hak kami;
- f. Bagi tujuan lain yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan atau dengan persetujuan anda;
- g. Bagi kesemua tujuan lain yang bersampingan dan berkaitan dengan sebarang tujuan yang dinyatakan di atas.

Hak untuk menolak

Menurut dan tertakluk kepada APDP, anda diberikan hak untuk menolak data peribadi daripada diproses. SMBC SSC menghormati dan mengiktiraf hak anda. Anda diminta mengemukakan penolakan tersebut kepada SMBC SSC secara bertulis.

Walau bagaimanapun dengan tanpa mengehadkan sebarang peruntukan APDP, SMBC SSC (termasuk syarikat bersekutu dan penasihat profesional kami) boleh meminta untuk memproses data peribadi bagi tujuan atau berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan di dalam Notis ini. Kegagalan memperolehi data peribadi tersebut mungkin akan menyebabkan pihak kami tidak dapat berurusan dengan anda atau tidak dapat meneruskan dan menerima perkhidmatan daripada anda.

Perkongsi data dan keselamatan

Data peribadi akan disimpan sebagai 'sulit', tetapi data peribadi tersebut mungkin diberikan kepada pihak-pihak berikut bagi tujuan yang dinyatakan di dalam Notis ini:

- a. Mana-mana syarikat bersekutu atau penasihat profesional kami yang mempunyai tanggungjawab menjaga maklumat sulit terhadap SMBC SSC dan yang memberikan perkhidmatan atau kemudahan kepada SMBC SSC, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, berkaitan dengan perniagaan atau operasi SMBC SSC (termasuk dan tidak terhad kepada pembekal server dan penyimpanan), sama ada di Malaysia atau sebaliknya, bagi tujuan pemprosesan transaksi dan penyimpanan penyata-penyata akaun, rekod transaksi dan dokumen-dokumen lain, data atau rekod di mana nama atau butiran anda atau Orang yang Diberi Kuasa oleh anda dinyatakan;
- b. Pihak lain yang mempunyai tanggungjawab menjaga maklumat sulit kepada SMBC SSC berkaitan dengan sebarang tujuan yang dinyatakan di dalam Notis ini;
- c. Mana-mana pihak yang dibenarkan oleh anda;
- d. Syarikat induk, pejabat perwakilan, anak syarikat atau perbadanan berkaitan kami yang berkenaan dengan sebarang tujuan yang dinyatakan di dalam Notis ini;
- e. Mana-mana pihak berkuasa yang dikehendaki atau diberi kuasa di bawah undang-undang termasuk untuk mematuhi tanggungjawab-tanggungjawab terhadap pihak berkuasa pengawal selia atau mana-mana Perintah oleh Mahkamah;
- f. Sesiapa sahaja yang menghendak, mengarah, atau memerlukan SMBC SSC untuk melakukan pendedahan mengikut perenggan (d) di atas;
- g. Maklumat yang didedahkan menurut terma di atas mungkin tertakluk kepada pendedahan tambahan oleh penerima maklumat kepada pihak lain mengikut undang-undang negara di mana penerima maklumat itu berada atau undang-undang negara di mana penerima maklumat itu tertakluk.

“Syarikat bersekutu” atau **“syarikat bersekutu kami”** bermaksud mana-mana perbadanan yang sah di bawah Sumitomo Mitsui Financial Group, sama ada dikawal secara langsung atau tidak langsung.

SMBC SSC telah melaksanakan langkah-langkah perlindungan teknikal, fizikal, kontraktual dan organisasi yang munasabah untuk melindungi data peribadi.

Persetujuan pendedahan

Selain daripada pendedahan yang dipertanggungjawabkan kepada kami (termasuk syarikat bersekutu dan penasihat profesional kami) menurut mana-mana undang-undang, peraturan, atau arahan daripada mana-mana badan kerajaan atau pengawal selia yang kami tertakluk, anda boleh menolak pendedahan kepada mana-mana pihak yang dinyatakan di dalam Notis ini. Anda diminta mengemukakan penolakan tersebut kepada SMBC SSC secara bertulis pada masa anda menawarkan perkhidmatan kepada pihak kami.

Walau bagaimanapun dengan tanpa mengehadkan sebarang peruntukan APDP, jika anda atau Orang yang Diberi Kuasa oleh anda menolak pendedahan data peribadi kepada mana-mana pihak yang dinyatakan di dalam Notis ini berhubung dengan perkhidmatan kepada pihak kami, penolakan tersebut mungkin menyebabkan pihak kami tidak dapat berurusan dengan anda atau tidak dapat meneruskan dan menerima perkhidmatan daripada anda.

Pengekal dan pelupusan data peribadi

SMBC SSC hanya akan menyimpan data peribadi selama diperlukan untuk mematuhi tujuan pengumpulan dan pemprosesan data peribadi tersebut. Data peribadi tersebut akan disimpan untuk tempoh yang ditetapkan dan dimusnahkan dengan selamat mengikut dasar pengekal data pihak kami atau undang-undang serta peraturan yang berkenaan.

Hak Individu

Anda mempunyai hak berikut berkaitan dengan data peribadi:

- a. **Hak untuk mengakses data peribadi.** Hak ini membolehkan anda mendapat salinan maklumat peribadi yang pihak kami simpan tentang Orang yang Diberi Kuasa oleh anda dan menyemak bahawa pihak kami memprosesnya secara sah. Anda tidak perlu membayar fi untuk mengakses maklumat peribadi tersebut. Walau bagaimanapun, pihak kami mungkin mengenakan bayaran yang munasabah jika permintaan akses anda tidak berasas atau berlebihan. Sebagai alternatif, pihak kami mungkin menolak untuk memenuhi permintaan dalam keadaan tersebut.
- b. **Hak untuk membetulkan sebarang ketidaktetapan.** Hak ini membolehkan anda meminta sebarang maklumat tidak tepat yang pihak kami simpan tentang Orang yang Diberi Kuasa oleh anda diperbetulkan.
- c. **Hak untuk meminta penghapusan data (tertakluk kepada kekangan undang-undang).** Anda boleh meminta pihak kami untuk menghapuskan atau mengeluarkan data peribadi Orang yang Diberi Kuasa oleh anda. Pihak kami akan menilai permintaan anda dan, sekiranya boleh, akan menghapuskan data peribadi tersebut, kecuali jika SMBC SSC dikehendaki untuk menyimpannya (contohnya, untuk mematuhi undang-undang dan peraturan). Pihak kami akan memaklumkan anda tentang keputusan serta sebab-sebabnya, jika data peribadi tersebut tidak dapat dihapuskan.
- d. **Hak untuk mengehadkan pemprosesan.** Anda boleh meminta pihak kami untuk mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi tentang Orang yang Diberi Kuasa oleh anda dalam keadaan tertentu. Pihak kami akan menyemak permintaan anda dan, jika berkenaan, akan menggantung sementara aktiviti pemprosesan (kecuali penyimpanan) sehingga isu anda diselesaikan. Pihak kami akan memaklumkan anda sebelum menarik balik sebarang sekatan.
- e. **Hak untuk membantah aktiviti pemprosesan tertentu.** Anda boleh membantah aktiviti pemprosesan khusus yang dijalankan oleh pihak kami. Pihak kami akan menilai bantahan anda dan, jika wajar, akan menghentikan pemprosesan data

peribadi bagi aktiviti tersebut, kecuali jika terdapat alasan sah yang kukuh untuk mengatasi kepentingan anda.

- f. Untuk memindahkan maklumat peribadi kepada pihak lain.

SMBC SSC mungkin perlu meminta maklumat khusus daripada anda untuk membantu pihak kami mengesahkan identiti anda dan memastikan hak anda untuk mengakses maklumat yang diminta (atau untuk menggunakan mana-mana hak anda yang lain). Secara umumnya anda akan menerima maklum balas daripada pihak kami dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh permintaan anda.

Cookies dan teknologi penjejakan

SMBC SSC menggunakan cookies dan teknologi serupa pada system IT SMBC SSC untuk meningkatkan pengalaman pengguna dan memantau prestasi sistem.

Permindahan data antarabangsa

Apabila SMBC SSC menganggapnya perlu atau sesuai untuk tujuan penyimpanan atau pemprosesan data, data peribadi mungkin disimpan atau dipindahkan ke lokasi dan sistem di luar Malaysia di bawah syarat kerahsiaan serta tahap perlindungan keselamatan dan keselamatan maklumat yang setara.

Menghubungi SMBC SSC mengenai data peribadi

Sekiranya anda ingin menggunakan mana-mana hak anda di bawah Notis ini, sila hubungi SMBC SSC secara bertulis.

Perhatian: Pegawai Perlindungan Data
SMBC SSC Sdn. Bhd.
Level 21, Integra Tower, The Intermark,
348, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel No.: 03 – 2176 1600

Perubahan kepada Notis Privasi

Notis Privasi ini adalah tertakluk kepada perubahan dan SMBC SSC berhak dari masa ke semasa dan pada sebarang ketika meminda dan/atau mengubah Notis ini. Perubahan ketara akan dimaklumkan kepada anda atau Orang yang Diberi Kuasa oleh anda melalui e-mel atau melalui laman web kami. Notis yang telah dikemaskini akan berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam komunikasi tersebut.